

Harian

Metro

10 SEPTEMBER 2023



40 terpilih ikuti latihan Konstabel Orang Asli

Ipoh: Seramai 512 Orang Asli memohon jawatan Konstabel Orang Asli YP1 Polis Diraja Malaysia (PDRM) tahun ini dan 40 calon berjaya dipilih bagi mengikuti latihan.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Datuk Sapiah Mohd Nor berkata, daripada keseluruhan permohonan yang diterima, hanya 75 pemohon melepassi saringan awal dari segi akademik serta hadir dalam eksesais temu duga yang bermula 19 Jun hingga 22 Jun lalu.

Katanya, JAKOA komited dalam mengurangkan kadar pengangguran masyarakat Orang Asli justeru pelbagai program dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran dan peluang kerjaya kepada golongan berkenaan.

"Ia meliputi program seperti Jom Kerja, Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Insitu, Karnival Belia Orang Asli serta kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

"Seramai 3,000 belia Orang Asli sudah menerima manfaat daripada program-program yang dilaksanakan bermula 2022," katanya ketika Majlis Perasmian Penutup Program Transformasi Minda Insan Calon Konstabel Orang Asli Gred YP1 tahun 2023 di sini, malam tadi.

Hadir sama Deputi Superintendant Unit Pengambilan, Cawangan Perjawatan PDRM Bukit Aman, Deputi Superintendant Zukri Muhammad; Timbalan Komandan Pusat Latihan Pasukan Gerakan Am (PLPGA), Deputi Superintendant Syamsul Amri Abu Bakar@Zain serta Pegarah JAKOA Perak, Harulnizam Abd Rahman.

Program Transformasi Minda Insan Calon Konstabel Orang Asli adalah program dilaksanakan JAKOA sebagai persediaan kepada calon Konstabel Orang Asli sebelum menjalani latihan asas kepolisian selama enam bulan di PLPGA Ulu Kinta, di sini bermula 10 hari ini.

Kekosongan jawatan Konstabel YP1 Orang Asli PDRM pada 2023 sebanyak 119 perjawatan dengan pengambilan Konstabel PDRM itu dijalankan dengan mengambil kira keperluan semasa di batalion.

Kelulusan minimum Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan kredit Bahasa Melayu, satu subjek lulus iaitu Matematik dan tiga subjek lulus bagi mana-mana subjek. Bagaimanapun PDRM dimohon untuk mempertimbangkan minimum kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memandangkan PMR dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dimansuhkan.

Pelatih akan menjalani latihan asas enam bulan di PLPGA Ulu Kinta sebelum ditempatkan lokasi tugas sama ada di Batalion 3 Bidor, Perak atau Batalion 18 Pengkalan Hulu, Gerik.